



Teks Ucapan

YBHG. DATO' HAJI ROSLI BIN ISA

Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)

Sempena

MAJLIS PERASMIAN

HIDROMECHANICAL TESTING LAB

BAHAGIAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

Tarikh : 9 Jun 2023 (Jumaat)

Masa : 8.30 pagi

Tempat : Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal,
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia,
Kg. Temiang, 30990 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

SALUTASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia
Madani,

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Yang Berusaha Dr. Ching Too A/L Kim

Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Air dan Pembetulan)

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)

Yang Berbahagia Dato' Ir. Sabri bin Abdul Mulok

Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes)

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia

Yang Berusaha Tuan Shaharul Sadri Alwi

Ketua Pengarah

Jabatan Standard Malaysia

Yang Berusaha Ir. Rosazlan bin Abu Seman

Pengarah Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal

JPS Malaysia

Pegawai-Pegawai Kanan

NRECC, JPS dan Jabatan Standard Malaysia

Pengarah-Pengarah JPS Bahagian

Pengarah-Pengarah JPS Negeri

Jurutera Mekanikal & Jurutera Elektrikal JPS Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian.

UCAPAN ALUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan inayah-Nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi yang mulia ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda. Pada hari ini dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun di **Majlis Perasmian Hydromechanical Testing Laboratory (HTLab), Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.**

2. Sekali lagi, tahniah saya ucapkan kepada JPS khususnya kepada pasukan Hydromechanical Testing Laboratory (HTLab) yang telah berjaya mendapatkan akreditasi ISO/IEC 17025:2017 di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) oleh Jabatan Standard Malaysia pada 16 November 2022. Syabas diucapkan.

3. Juga tidak lupa kepada barisan urusetia program perasmian ini yang telah berjaya menguruskan program ini dengan jayanya, insya Allah.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Di pagi Jumaat yang mulia ini, pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada JPS kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan makmal ini.

5. Saya amat berbangga apabila mengetahui bahawa makmal milik JPS yang telah lama beroperasi lebih 20 tahun telah mendapat pengiktirafan dan akreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia dan makmal pengujian ini adalah satu-satunya makmal yang terdapat di Malaysia yang dapat menguji pam-pam berkapasiti besar khususnya pam-pam di bawah JPS.

6. Saya juga difahamkan bahawa makmal Hydromechanical Testing Laboratory (HTLab) direkabina hasil dari idea dan kepakaran-kepakaran Jurutera-Jurutera Mekanikal dan Elektrikal daripada JPS Malaysia.

7. Saya berharap pengiktirafan seumpama ini akan menjadi pendorong dan membangkitkan semangat kepada jabatan kerajaan yang lain untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkualiti, seterusnya menjadi *role model* dan mentor terbaik kepada warga yang lain.

PENSIJILAN ISO 17025:2017 OLEH JABATAN STANDARD MALAYSIA

**YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati
sekalian,**

8. ISO 17025:2017 ini merupakan satu pensijilan yang dikawal selia oleh Jabatan Standard Malaysia berbanding dengan ISO yang lain di mana kebanyakannya dikawal selia oleh SIRIM. Keunikan pensijilan ini adalah ianya mengutamakan kualiti kompetensi dalam perkhidmatan pengujian dan kalibrasi. Kedua-dua disiplin metrologi ini perlu dikawal selia dengan baik, khususnya bagi makmal-makmal yang menyediakan salah satu daripada perkhidmatan ini. Kebanyakan makmal yang memiliki pensijilan ini adalah terdiri daripada makmal-makmal swasta. Oleh yang demikian saya amatlah berbangga dengan JPS yang merupakan jabatan kerajaan dan salah satu jabatan teknikal negara yang berjaya mendapatkan dua (2) pensijilan bagi dua (2) makmal yang satunya bagi perkhidmatan kalibrasi terletak di Ampang dan sekarang HTLab bagi perkhidmatan pengujian yang akan saya rasmikan pada hari ini.

9. Kedua-dua perkhidmatan ini, baik pengujian atau kalibrasi, perlunya ada komitmen yang tinggi dari pihak atasan sehinggalah ke akar umbi. Kualiti perkhidmatan ini perlu dikawal selia sentiasa dan ditambah baik dari masa ke semasa demi menjaga kualiti perkhidmatan yang disediakan. Disamping kualiti peralatan pengujian mahupun peralatan kalibrasi yang perlu sentiasa diselenggara dengan baik, kompetensi kakitangan turut perlu dikawal selia dari masa ke semasa bagi memastikan perkhidmatan dapat diberikan oleh orang yang benar-benar berkepakaran dalam perkhidmatan tersebut. Justeru itu, komitmen dari sudut kewangan untuk penyelenggaraan alat dan latihan kompetensi kakitangan perlulah sentiasa diutamakan dalam mengekalkan pensijilan ini untuk jangka masa yang lama.

PENUTUP

**YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati
sekalian,**

10. Akhir kata dari saya, saya amatlah berharap agar makmal-makmal berakreditasi ini dapat mencapai ke satu tahap yang lebih tinggi pada masa akan datang.

11. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan **Hydromechanical Testing Laboratory, Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum

Warahmatullah Hi Wabarakatuh.